


BORANG INVENTORI PROJEK PELAJAR

PERKARA	MAKLUMAT INFORMATION																
Program <i>Program</i>	DIPLOMA GEOMATIK (DGU)																
Jabatan <i>Department</i>	JABATAN KEJURUTERAAN AWAM																
Semester/ Tahun <i>Semester/ Year</i>	SEMESTER 5, 2017																
Tajuk Projek <i>Project Title</i>	MENGAJI TAHAP KESEDARAN PEMILIK PETAK DIDALAM BANGUNAN STRATA BERKAITAN TANGGUNGJAWAB MEREKA DAN KESAN TERHADAP HARTA BERSAMA																
Jenis Projek <i>Type of Project</i>	PENYELIDIKAN																
Kategori Kluster Penyelidikan <i>Category/ research Cluster</i>	Tanda " / " pada yang berkenaan: Please tick " / " where applicable: <table border="1"> <tbody> <tr><td>☐</td><td>Sains tulen (<i>Pure Science</i>)</td></tr> <tr><td>☐</td><td>Sains gunaan (<i>Applied Science</i>)</td></tr> <tr><td>☐</td><td>Teknologi dan kejuruteraan (<i>Technology and Engineering</i>)</td></tr> <tr><td>☐</td><td>Sains kesihatan dan klinikal (<i>Clinical and Health Sciences</i>)</td></tr> <tr><td>☒</td><td>Sains sosial (<i>Social Sciences</i>)</td></tr> <tr><td>☐</td><td>Sastera dan sastera ikhtisas (<i>Arts and Applied Arts</i>)</td></tr> <tr><td>☐</td><td>Warisan alam dan budaya (<i>Natural Sciences and National Heritage</i>)</td></tr> <tr><td>☐</td><td>Teknologi maklumat dan komunikasi (<i>Information and Communication Technology</i>)</td></tr> </tbody> </table>	☐	Sains tulen (<i>Pure Science</i>)	☐	Sains gunaan (<i>Applied Science</i>)	☐	Teknologi dan kejuruteraan (<i>Technology and Engineering</i>)	☐	Sains kesihatan dan klinikal (<i>Clinical and Health Sciences</i>)	☒	Sains sosial (<i>Social Sciences</i>)	☐	Sastera dan sastera ikhtisas (<i>Arts and Applied Arts</i>)	☐	Warisan alam dan budaya (<i>Natural Sciences and National Heritage</i>)	☐	Teknologi maklumat dan komunikasi (<i>Information and Communication Technology</i>)
☐	Sains tulen (<i>Pure Science</i>)																
☐	Sains gunaan (<i>Applied Science</i>)																
☐	Teknologi dan kejuruteraan (<i>Technology and Engineering</i>)																
☐	Sains kesihatan dan klinikal (<i>Clinical and Health Sciences</i>)																
☒	Sains sosial (<i>Social Sciences</i>)																
☐	Sastera dan sastera ikhtisas (<i>Arts and Applied Arts</i>)																
☐	Warisan alam dan budaya (<i>Natural Sciences and National Heritage</i>)																
☐	Teknologi maklumat dan komunikasi (<i>Information and Communication Technology</i>)																
Ahli Kumpulan <i>Group member</i>	1. Name: MUHAMMAD SYAMIL BIN ISMAN No. Identification card: 970518-01-7091 2. Name: MUHAMMAD SYAZWAN BIN RAZALI No. Identification card: 970901-56-5189 3. Name: MUHAMMAD ASYRAF BIN ROSTAM No. Identification card: 970524-01-6319																
Penyelia <i>Supervisor</i>	Name: PUAN NOOR ASMIDA BINTI ABU BAKAR No. Identification card: 780203-11-6178																
Penyelia Bersama <i>Co-Supervisor</i>	1. Name: No. Identification card:																
Abstrak <i>Abstract</i>	Permintaan rumah yang tinggi di kawasan Bandar telah merangsang lebih banyak pembinaan unit perumahan tinggi (skim strata) oleh pihak pemaju. Dalam satu skim strata wujud 2 pihak iaitu Perbadanan Pengurusan dan pemilik petak. Kedua dua pihak mempunyai tanggungjawab masing-masing dalam memastikan pengurusan, dan penyelenggaraan bangunan strata dan harta bersama dapat dilaksanakan dengan baik. Walaupun setiap skim strata mempunyai Perbadanan Pengurusan masing-masing,																

	namun isu berkaitan pengurusan strata tidak pernah selesai malah semakin banyak diperkatakan di media massa. Timbul persoalan disini, adakah pemilik petak di skim strata menyedari akan tanggungjawab mereka. Satu kajian perlu dibuat untuk melihat sejauh mana kesedaran pemilik petak berkaitan tanggungjawab mereka didalam skim strata. Kajian ini juga penting untuk melihat adakah aspek kesedaran tanggungjawab pemilik petak ini mempengaruhi keadaan harta bersama dalam sesuatu skim strata. Kajian dijalankan dalam skim strata jenis bukan kos rendah yang bertempat di Kuala Lumpur. Kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk proses pengumpulan data iaitu borang soal selidik dan gambaran sebenar yang menunjukkan keadaan harta bersama di kawasan kajian. Seramai 146 orang responden telah terlibat dalam proses pengumpulan data. Berdasarkan analisis deskriptif yang dilakukan, tahap kesedaran pemilik petak akan tanggungjawab dan kesannya terhadap harta bersama dapat dilihat. Skala pengukuran skor min untuk menilai tahap kesedaran adalah berdasarkan interpretasi skor min yang bersumberkan (Landel,1977). Pengukuran skor min untuk menilai tahap suatu keadaan pula, adalah berdasarkan interpretasi skor min yang bersumberkan (Mohammad Najib, 1999). Dapat dinyatakan bahawa penduduk di Fasa A1 mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berbanding penduduk Fasa A2. Manakala, dari segi keadaan harta bersama pula, kawasan Fasa A1 adalah lebih baik berbanding dengan kawasan Fasa A2. Kesimpulannya, kajian ini dapat membuktikan bahawa kesedaran akan tanggungjawab oleh pemilik petak sangat memberikan impak yang besar terhadap harta bersama di dalam kehidupan sesebuah komuniti strata.
Keyword Keyword (max 5 word)	Tahap Kesedaran, Tanggungjawab, Pemilik petak , Kesan Terhadap Harta Bersama .
Objektif Projek Project Objectives	i. Untuk mengenal pasti tahap kesedaran pemilik petak berkaitan tanggungjawab mereka dalam skim strata. ii. Untuk menganalisis kesan tahap kesedaran tanggungjawab pemilik petak terhadap keadaan harta bersama.
Skop Projek Project scope	Pada era ini , pembinaan bangunan bertingkat telah membangun dengan pesat di semenanjung Malaysia. Terdapat pelbagai jenis bangunan bertingkat yang dibina, sebagai contoh bangunan pejabat, pusat membeli belah, perindustrian, dan perumahan. Dalam kajian ini, kami hanya menumpukan kepada bangunan bertingkat jenis perumahan. Perumahan bertingkat pula terbahagi kepada dua jenis , iaitu perumahan kos rendah dan bukan kos rendah . Kawasan kajian kami tertumpu kepada perumahan bertingkat bukan kos rendah iaitu Fasa A1 dan A2 Taman Seri Sentosa , Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur. Bagi mencapai objektif, alat atau keperluan bagi membantu mendapatkan maklumat adalah dengan menggunakan borang soal selidik dan dianalisis dengan perisian IBM SPSS Statistics 19 . Seterusnya , bagi penentuan bilangan responden kami merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie & Morgan(1970) iaitu seramai 146 bilangan responden dari kedua-dua fasa. Satu fasa akan melibatkan seramai 73 responden .
IP No	

Dapatan
Finding
(500 words
max)



Graf 4.21 : Taburan Min Bagi Soalan-Soalan Berkaitan Tahap Kesedaran Tanggungjawab Pemilik Petak.


Graf 4.21 menunjukkan analisis deskriptif responden bagi mengkaji tahap kesedaran pemilik petak berkaitan tanggungjawab mereka dalam bangunan strata. Soalan 1 hingga 5 menjurus kepada tahap kesedaran pemilik petak berkaitan tanggungjawab mereka. Merujuk pada Graf 4.5.6, nilai skor min yang diperolehi oleh soalan satu hingga lima iaitu 2.06, 2.26, 2.09, 2.23 dan 2.27 untuk Fasa A1 manakala nilai skor min daripada Fasa A2 ialah 3.08, 3.21, 2.93, 2.73 dan 3.38. Dapatlah disimpulkan bahawa penduduk di Fasa A1 mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berbanding penduduk Fasa A2. Pernyataan ini merujuk kepada keputusan nilai yang diperolehi bagi soalan 1 – 5 oleh Fasa A1 adalah kurang daripada 2.33, dimana menurut (Landell, 1977) skor min antara 1.00 – 2.33 adalah pada tahap kesedaran yang tinggi manakala keputusan yang diperolehi bagi soalan 1- 5 oleh Fasa A2 pula berada pada tahap kesedaran yang sederhana iaitu skor min antara 2.34 – 3.67.

Bagi soalan 1 – 5 skala pengukuran skor min ditunjukkan berdasarkan interpretasi skor min seperti jadual 4.17.

SKOR MIN	TAHAP KESEDARAN
1.00 – 2.33	TINGGI
2.34 – 3.67	SEDERHANA
3.68 – 5.00	RENDAH

Jadual 4.17 : Tahap Kesedaran skor min (sumber: Landel,1977)

2.



Graf 4.22 : Taburan Min Bagi Soalan-Soalan Berkaitan Keadaan Harta Bersama..

Graf 4.5.7 menunjukkan analisis deskriptif responden bagi menganalisis kesan tahap kesedaran tanggungjawab pemilik petak terhadap keadaan harta bersama. Soalan 6 hingga 12 menjurus kepada keadaan harta bersama . Merujuk pada Graf 4.5.7, nilai skor min yang diperolehi oleh soalan enam hingga dua belas iaitu 1.68, 1.67, 1.56, 1.50, 1.46, 2.32 dan 1.68 untuk Fasa A1 manakala nilai skor min daripada Fasa A2 ialah 3.27, 2.56, 2.56, 2.17, 4.36, 4.68 dan 3.00. Dapatlah disimpulkan bahawa keadaan harta bersama di kawasan Fasa A1 lebih baik berbanding dengan kawasan Fasa A2. Pernyataan ini merujuk kepada keputusan nilai yang diperolehi bagi soalan 6 – 12 oleh Fasa A1 adalah kurang daripada 2.33, dimana menurut (Mohammad Najib, 1999) skor min antara 1.00 – 2.33 adalah pada tahap keadaan yang baik. Keputusan yang diperolehi bagi soalan 6, 7, 8, 9 dan 12 oleh Fasa A2 pula berada pada tahap yang sederhana iaitu skor min antara 2.34 – 3.67. Selain itu, keputusan yang diperolehi bagi soalan 10 dan 11 oleh Fasa A2 berada pada tahap yang lemah iaitu skor min antara 3.68 – 5.00.

Bagi soalan 6 – 12 skala pengukuran skor min ditunjukkan berdasarkan interpretasi skor min seperti jadual 4.18.

SKOR MIN	TAHAP KEADAAN
1.00 – 2.33	BAIK
2.34 – 3.67	SEDERHANA
3.68 – 5.00	LEMAH

Jadual 4.18 : Tahap Keadaan skor min (sumber: Mohammad Najib, 1999)

	Hasil dapatan kajian boleh menjurus dalam mencapai objektif sesuatu kajian. Berdasarkan hasil analisis data berkaitan tahap kesedaran pemilik petak terhadap tanggungjawab mereka dalam bangunan strata menunjukkan penduduk di kawasan Fasa A1 mempunyai tahap kesedaran yang lebih tinggi berbanding penduduk di kawasan Fasa A2. Kajian ini juga mendapati bahawa keadaan harta bersama di kawasan Fasa A1 lebih baik berbanding kawasan Fasa A2. Berdasarkan keputusan analisis yang diperolehi menunjukkan tahap kesedaran pemilik petak sangat memberi kesan terhadap keadaan harta bersama
Cadangan untuk kerja-kerja akan datang <i>Suggestion for future work (500words)</i>	Secara keseluruhannya, tanggungjawab pemilik petak memberi kesan kepada keadaan harta bersama di skim strata yang mereka duduki. Kajian menunjukkan kesedaran tanggungjawab penduduk yang rendah di skim strata menyebabkan harta bersama dalam keadaan yang tidak terurus, usang, rosak dan tidak selamat untuk digunakan. Manakala keadaan harta bersama akan dilihat berada dalam keadaan yang baik di skim strata yangmana penduduknya mempunyai kesedaran tanggungjawab yang tinggi. Didalam hal ini, untuk mengelakkan perkara diatas berlaku, kami ingin memberi cadangan supaya masalah-masalah diatas tidak akan timbul dimasa hadapan. Antara cadangan yang kami ingin kongsikan untuk memberi kesedaran kepada pemilik petak ialah Perbadanan Pengurusan perlu mengambil tindakan yang tegas seperti mengenakan denda atau menggandakan duit caruman kepada pemilik petak yang tidak membayar caruman setiap bulan supaya pemilik petak sedar kepentingan membayar caruman pada setiap bulan. Selain itu, untuk memberi kesedaran kepada pemilik petak yang tidak sedar akan tanggungjawab mereka sebagai pemilik petak yang memberi kesan kepada harta bersama dikawasan mereka, kami ingin mencadangkan kepada Perbadanan Pengurusan jika pemilik petak itu tidak membayar caruman, dan pemilik petak itu sendiri menghadiri mesyuarat Agong Tahunan, mereka dilarang sama sekali membuka suara ketika mesyuarat tersebut. Hal ini kerana, mereka yang tidak membayar caruman setiap bulan tidak mempunyai hak untuk membuka suara. Seterusnya, jika pemilik petak tidak menjaga harta bersama dikawasan mereka, kami ingin mencadangkan kepada pihak Perbadanan Pengurusan supaya mereka diberikan amaran keras sekaligus menasihati mereka agar mematuhi dan menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pemilik petak dan jika perkara ini berulang pihak Pengurusan Perbadanan berhak untuk melaporkan perkara ini kepada pihak yang berkuasa. Disamping itu, kami mencadangkan agar satu kempen berkaitan kesedaran tanggungjawab pemilik petak perlu dijalankan dengan cara menampal poster tentang kepentingan menjaga harta bersama di skim strata mereka. Hal ini secara tidak langsung akan memberi kesedaran kepada pemilik petak tentang tanggungjawab mereka boleh memberi kesan kepada harta bersama mereka. Perkara ini dapat mengelakkan harta bersama di skim strata mereka mengalami kerosakkan dan selamat digunakan. Kajian ini hanya merumuskan beberapa hasil dapatan sahaja tetapi ianya tidak menggambarkan situasi sebenar. Ini disebabkan bilangan responden yang kecil dah berfokuskan kepada pemilik petak sahaja. Oleh itu dicadangkan pada masa akan datang

	akan ada kajian lanjutan dijalankan melibatkan lebih banyak perbandingan kawasan strata. Selain itu kajian seterusnya boleh juga menjurus kepada perkaitan peranan atau tanggungjawab Perbadanan Pengurusan terhadap keadaan harta bersama. Hal ini dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian supaya dapat melihat isu-isu permasalahan berkaitan pengurusan strata dari pelbagai aspek. Kajian ini diharapkan dapat membantu dalam menambahbaik sistem pengurusan strata dinegara kita. Selain itu, ianya boleh membantu menyedarkan pemilik petak akan kepentingan tanggungjawab mereka di skim strata yang akhirnya boleh memberi kesan kepada keadaan harta bersama.	
Gambar berkaitan projek <i>Picture related to project</i> (700kb)	KEADAAN SEBENAR HARTA BERSAMA DI FASA A1 DAN A2 TAMAN PERMAINAN  FASA A1  FASA A2 <i>Figure 1</i>	KEADAAN SEBENAR HARTA BERSAMA DI FASA A1 DAN A2 GELANGGANG  FASA A1  FASA A2 <i>Figure 2</i>
Rating/Level	Jabatan/ Politeknik/ Kebangsaan/ Antarabangsa <i>Departments / Institutes / National / International</i>	

* Borang ini perlu diisi oleh pelajar dan dihantar kepada penyelia/ penyelarar projek dalam bentuk hardcopy dan softcopy (borang LAMPIRAN J dan gambar hasil projek dalam format jpeg/bitmap) bersama laporan akhir dan hasil projek